

1103/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
2 ½ jam  
September  
2010



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
PKPSM PULAU PINANG**

**PERCUBAAN SPM 2010**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawaban bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawaban boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

**[Lihat halaman sebelah**

**Soalan 1 : Rumusan**  
[30 markah]

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan remaja untuk merealisasikan '1Malaysia' dan kekangan yang dihadapi. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Gagasan '1Malaysia' bertujuan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Identiti setiap kaum yang berbeza itu dianggap sebagai aset dan asas utama konsep ini ialah keadilan untuk semua kaum. Sekolah dan universiti yang rata-rata terdiri daripada golongan remaja dan belia sebenarnya cerminan kepada '1Malaysia'. Sehubungan dengan itu, semua remaja dan belia perlu mempunyai misi dan visi yang sama dengan kepemimpinan negara.

Perbezaan budaya dan agama bukan penghalang kepada perpaduan, sebaliknya perbezaan itu dilihat sebagai suatu keistimewaan dalam masyarakat majmuk di negara kita. Remaja kita, khususnya perlu menghayati falsafah muhibah dan kerukunan serta keharmonian antara kaum selama ini. Keadaan ini perlu dilestarikan demi keharmonian dan keamanan negara. Perpaduan antara kaum perlu disepadukan dengan mengetepikan masalah peribadi dalam kalangan rakyat. Perpaduan kaum juga mungkin tidak akan tercapai jika kita tidak mempunyai warganegara yang berkualiti dan aktif dalam menunaikan tanggungjawab mereka.

Sejajar dengan itu, remaja juga mestilah mempunyai kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah, sesuai dengan peranan mereka sebagai bakal pemimpin dan penentu masa depan negara. Remaja yang cemerlang dalam mengejar ilmu pengetahuan mempunyai sifat dan ciri yang dapat menjadikan mereka berminda kelas pertama. Orang muda perlu berjuang demi masa depan dengan ciri kewarganegaraan satu bangsa, satu bahasa, dan satu negara. Bagi memastikan aset terpenting negara ini terus bersinar, remaja perlu menumpukan usaha ke arah menggilap potensi dan menyerlahkan bakat yang ada. Hal ini penting kerana mereka yang berbakat dan mempunyai nilai serta kualiti yang tinggi dapat menyumbang ke arah merealisasikan hasrat murni ini.

Sebagai generasi pelapis negara ini, remaja tiada pilihan lain kecuali meletakkan prestasi akademik sebagai keutamaan. Mereka perlu berusaha dan beriltizam pada setiap masa serta bersaing secara sihat dalam mengejar ilmu. Pelibatan lebih aktif dalam bidang sukan juga membantu menjayakan gagasan '1Malaysia'. Sukan merentasi semua sempadan dan setiap kejayaan merupakan hasil komitmen sebagai sebuah pasukan atau institusi yang diwakili. Sukan juga menjadi landasan untuk meningkatkan kerjasama bagi mencapai kejayaan secara berpasukan.

Golongan remaja perlu menyertai pelbagai bentuk program dan aktiviti yang merangkumi aspek politik, ekonomi, budaya dan sosial. Program pembangunan belia juga tidak boleh lagi

dilaksanakan melalui persatuan berbentuk perkauman. Sasaran program juga tidak semestinya terbatas kepada keahlian dalam persatuan sahaja. Maka, program yang melibatkan semua kaum perlu dipertingkatkan agar remaja dapat berinteraksi dan bernesra. Mereka juga dapat mengenali budaya kaum lain. Keadaan ini akan meningkatkan persefahaman antara remaja yang berlainan kaum. Oleh itu, remaja perlu mengambil inisiatif untuk mengenali nilai, norma dan budaya kaum lain.

Jelaslah, remaja berperanan penting dalam *menjanakan agenda* membina negara bangsa. Untuk memajukan negara, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu dan keadaan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Merealisasikan 'Satu Malaysia' oleh Ismail Sualman, *Dewan Siswa*, Ogos 2009)

### Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### Soalan 2(a) - Petikan Umum

(i) Apakah maksud rangkai kata *menjanakan agenda*?

[2 markah]

(ii) Bagaimanakah penyertaan dalam pelbagai bentuk program dapat merealisasikan gagasan 1Malaysia?

[3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, apakah peranan pihak sekolah dalam memahamkan pelajar tentang gagasan '1Malaysia'?

[4 markah]

**Soalan 2(b) - Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- UMAR : Ini bukan soal suka tak suka ke luar negeri Piah. Kalau jadi guru pun bukan tak mungkin I ke luar negeri.
- SAFIAH : Ke luar negeri sebulan dua melawat-lawat sahaja, buat apa?
- UMAR : Habis apa maksud *you*?
- SAFIAH : I mahu duduk di luar negeri, bekerja di luar negeri. (*Memandang ke kejauhan, matanya penuh impian, bangga dan bergaya*) Di Paris, di London, di ....
- UMAR : (*Sinis*) Di United States, di Hollywood ....
- UMAR : (*Sedikit kesal*) You terlalu memikirkan diri sendiri, I suka jadi guru dan kita pun memang kekurangan guru.
- SAFIAH : (*Tak sabar*) You ni nasionalis sangat .....
- UMAR : (*Memandang penuh pada Safiah*) Ya, nasionalis tak nasionalis, cuba you, tengok. Tiap tahun beribu-ribu murid masuk sekolah, tapi beberapa orang guru yang bertambah? Berapa orang mahasiswa-mahasiswa yang mahu jadi guru?
- SAFIAH : (*Cepat geram*) You terlalu statis!
- UMAR : (*Berpaling dari Safiah, perlahan tapi pahit*) You terlalu ingin main salji sahaja, mahu duduk-duduk di London atau Amerika (*membisu beberapa lama*).
- SAFIAH : (*Terdiam, memandang Umar, kemudian membongkok ke hadapan, menyentuh sedikit tangan Umar, dan berkata dengan nada baru, logik dan lembut*) I tahu You nak berkhidmat dalam negeri, I tahu *you* bercita-cita nak berjasa kepada bangsa. I hargai. Tapi I bercakap sebagai tunang *you*, yang ikut sama memikirkan masa depan kita....Dan di luar negeripun *you* dapat berkhidmat dengan bangsa, *you* boleh memperkenalkan negeri kita di luar negeri....

(Dipetik daripada drama 'Serunai Malam', oleh Osman Awang dalam Antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah impian Safiah dalam petikan di atas?  
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah reaksi yang patut ditunjukkan oleh Safiah apabila Umar menyatakan keinginannya untuk menjadi guru di dalam negara? Jelaskan.  
[3 markah]
- (iii) Huraikan satu persoalan yang terdapat dalam petikan dan satu persoalan daripada keseluruhan drama.  
[4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kata Hang Jebat, “Apatah dayaku? Sekalian itu dengan kehendaknya juga; tiada dengan kuasaku perbuat itu, supaya namaku masyhur pada segala negeri.” Maka kata Hang Jebat, “Adapun aku tiada mahu turun dari istana ini berlawan dengan engkau, kerana engkau hulubalang besar lagi ternama; tiada boleh kupermudahkan seperti lawan yang dahulu itu dan engkau saudara tua padaku; tiada baik. Jika engkau hendak bertikam dengan aku, marilah naik.” Maka sahut Laksamana, “Bukakanlah pintu itu.” Maka kata Hang Jebat, “Nantilah aku seketika lagi; aku hendak berlangirkan kerisku.”

Maka Hang Jebat pun menutup pintu istana empat puluh itu. Setelah sudah maka Hang Jebat pun menghunus kerisnya, maka ditikamnya segala perempuan isi istana yang tujuh ratus itu, seorang pun tiada tinggal. Maka darah pun seperti hujan yang lebat turun ke bawah istana. Maka Laksamana berseru-seru, katanya, “Hai Si Jebat, pekerjaan apa kau kerjakan ini? Alangkah dosanya.” Maka sahut Hang Jebat, “Inilah pekerjaan yang sempurna. Sepala-pala jahat dengan kepalang, seperti perumpamaan Melayu, *rosak bawang ditimpa jambaknya*.” Maka Laksamana berkata pula, “Hai Si Jebat, segeralah bukakan aku pintu ini!”

(Dipetik daripada ‘Pertarungan Tuah dengan Jebat’, dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud *rosak bawang ditimpa jambaknya*? [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan Hang Jebat apabila dia diminta oleh Hang Tuah untuk membuka pintu agar mereka bertikam? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah yang harus dilakukan oleh Hang Tuah untuk mengelakkan pertumpahan darah? [3 markah]

**Soalan 2(d) – Puisi**

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**SYAIR KELEBIHAN ILMU**

Ilmu itulah gemala sakti,  
Sinarnya cerah cahaya sejati,  
Asal puncanya lamun didapati,  
Sukar bercerai sehingga mati.

Harganya tidak dapat dinilai,  
Sebuah dunia belinya bukan,  
Kuasanya besar sukat digunakan,  
Di laut di darat di rimba di pekan.

Masa seorang ialah taulan,  
Teman berbeka suluh berjalan,  
Masa berhimpun ia pengenalan,  
Hias penyata polan si polan.

Bagi yang duka ia penghibur,  
Ia penerang bagi yang kabur,  
Ialah kandil di dalam kubur,  
Lamun dengannya beramal subur.

Ia penerang jalan ke syurga,  
Ia pemuas tekak yang dahaga,  
Ialah sungai ialah telaga,  
Laut yang luas ialah juga.

Ialah alat sangat berguna,  
Idaman orang yang bijaksana,  
Hamparnya luas amat saujana,  
Tepinya ajal sempadannya fana.

(Dipetik daripada 'Syair Kelebihan Ilmu',  
dalam antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud baris syair *Ilmu itulah gemala sakti*. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda apakah kesannya kepada negara jika remaja hari ini tidak menguasai ilmu pengetahuan? [4 markah]
- (iii) Nyatakan tiga pengajaran yang ingin disampaikan melalui syair di atas? [3 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan*

(a) *Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan dalam pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) berkuat kuasa - menguatkuasakan
- (ii) berputar belit - memutarbelitkan
- (iii) berlipat ganda - melipatgandakan

[6 markah]

(b) *Tukarkan ayat bentuk cakap ajuk di bawah ini kepada ayat bentuk cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) "Rupa-rupanya panggilan telefon tentang kebakaran yang kami terima pada pagi tadi ialah panggilan palsu," kata pegawai bomba itu.
- (ii) "Bagaimanakah perasaan kamu apabila diumumkan sebagai Tokoh Pelajar pada tahun ini?" tanya Amin kepada Iskandar.
- (iii) "Janganlah kamu bersedih lagi kerana setiap peristiwa yang berlaku pasti ada hikmah di sebaliknya," kata Mak Cik Limah kepada Aisyah.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

- (i) Inspekter Azman telah mengarahkan beberapa orang anggota polis mengisi bahan bukti yang ditemukannya ke dalam beg plastik itu.
- (ii) Murtabak ayam istimewa yang terjual di restoran itu sangat laris kerana rasanya sangat sedap sekali.
- (iii) Para penyelidik itu sanggup menjelajahi ke seluruh pelusok kampung untuk mengkaji masalah yang dihadapi oleh rakyat termiskin.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap*

ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Peserta Program Latihan Khidmat Negara telah menyenaraikan keperluan-keperluan yang hendak dibawa sepanjang tempuh berada di kem.
- (ii) Setiap orang anggota masyarakat haruslah meminimumkan penggunaan air pada musim panas agar bekalan air tidak perlu dikawal.
- (iii) Kerja-kerja menyiapkan projek pembinaan rumah pangsa yang tertangguh itu akan dipercepat demi untuk kebaikan pemilikinya.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **satu** peribahasa lain yang sama maksudnya dengan peribahasa yang terdapat dalam setiap ayat di bawah.

- (i) Sekiranya seseorang melakukan sesuatu biarlah sampai mencapai maksudnya kerana **alang-alang berdakwat biarlah hitam**.
- (ii) Seseorang yang terkena tipu muslihat akan lebih berhati-hati pada hari muka kerana **sekali jalan terkena, dua kali jalan tahu**.
- (iii) Kita perlu lebih berhati-hati dengan orang yang bersikap **bagai gunting makan di hujung** kerana mereka melakukan pengkhianatan secara senyap-senyap.

[6 markah]



**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Terminal Tiga* karya Othman Puteh
  - (ii) *Perlumbaan Kedua* karya Marwilis Hj. Yusof
  - (iii) *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said
  - (iv) *Bukit Kepong* karya Ismail Johari
  - (v) *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain
  - (vi) *Julia* karya Abu Hassan Morad
  - (vii) *Putera Gunung Tahan* karya Ishak Haji Muhammad
- (a) Sesebuah novel akan memperlihatkan sesuatu peristiwa yang mampu menyentuh perasaan pembaca.  
Jelaskan **dua** peristiwa yang menyentuh perasaan dalam novel yang anda kaji.  
[7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan watak utama menyelesaikan masalah dalam setiap novel tersebut.  
[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

SS